Terdapat pelbagai faktor yang telah mempengaruhi suhu di kawasan UPSI antaranya adalah kesan urbanisasi. Proses urbanisasi di kawasan UPSI telah menyumbang kepada peningkatan suhu akibat perubahan landskap seperti pembinaan infrastruktur, pengurangan kawasan hijau, dan peningkatan aktiviti manusia yang menghasilkan haba tambahan. Permukaan berturap seperti konkrit dan berfungsi sebagai menyerap serta menyimpan haba. Oleh itu, fenomena ini telah menyebabkan pemanasan berlaku dengan cepat dan peningkatan suhu terutama pada hujung tahun. Tambahan pula, pada hujung tahun aktiviti manusia dan proses urbanisasi giat berlaku dan ini telah meningkat suhu sekitar. Kawasan ini juga merupakan kawasan yang membangun di mana terdapat pertumbuhan penduduk dari semasa ke semasa hasil daripada proses transformasi ruang dan ekonomi Tanjong Malim seperti industri pembuatan automotif.

Selain itu, faktor musim juga salah satu daripada faktor yang mempengaruhi suhu di UPSI. Pada awal tahun iaitu Januari hingga Mac, suhu cenderung lebih rendah kerana berlakunyq musim hujan monsun timur laut yang membawa hujan lebat dan mengurangkan sinaran matahari langsung masuk ke bumi. Suhu pula mula meningkat pada pertengahan tahun antara bulan April hingga Jun di mana sinaran matahari menjadi lebih kuat dan jumlah hujan pula berkurangan. Kemudian, suhu akan kembali meningkat akibat peralihan musim panas tropika dan fenomena cuaca lain menjelang hujung tahun Oktober hingga Disember dan ini membawa haba tambahan ke kawasan tersebut.

LIVEWORKSHEETS